



BULETIN NADI HAYAT



Terima kasih kepada semua pembaca yang budiman. Semoga anda mendapat manfaat daripada buletin yang disediakan ini. Tidak dilupakan kepada barisan sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk menyediakan buletin ini. Semoga buletin akan dapat terus diterbitkan lagi pada masa akan datang.

KERJA AMAL WARGA HOSPITAL TUARAN

Kerja amal merupakan satu program tahunan di mana ianya satu cara untuk memberi keceriaan kepada mereka yang kurang kemampuan. Dua lokasi dipilih iaitu Rumah Kanak-kanak Don Bosco, Kundasang pada 23 April 2022 dan HOME Tuaran pada 24 April 2022. Kedua-dua program ini tidak lain tidak bukan untuk membantu organisasi ini meneruskan usaha murni mereka. Lawatan di Kundasang, seramai 30 warga hospital yang telah hadir bersama untuk mewakili menyampaikan sumbangan. Dua demonstrasi telah dilakukan iaitu penjagaan gigi oleh staf Klinik Pergigian Tuaran dan cara-cara pencucian tangan dengan betul oleh Unit Kejururawatan Hospital Tuaran. Di penghujung lawatan ini, bukan sahaja penghuni rumah amal ini mendapat sumbangan malah warga hospital yang hadir mendapat kepuasan dalam memberikan perkhidmatan di luar bidang tugas masing-masing. Sumbangan bukan sahaja dalam bentuk wang tunai, tetapi juga barang kering seperti beras, biskut dan juga peralatan sekolah. Artis Sabah S. Welly turut memberikan persembahan kepada semua yang hadir. Lawatan di HOME Tuaran pada 24 April 2022 semasa bulan Ramadhan amat bersesuaian yang memberikan seribu makna kepada penghuni HOME. Sumbangan telah disampaikan bersama-sama Tuan Haji Tasim, Pengerusi PERKIPS Tuaran. Kedua-dua lawatan ini turut dihadiri oleh Ybhg, Datuk Dr. G. Mohan, Pengarah Hospital Tuaran.

Badan Redaksi Nadi Hayat

Chan Yen Mii

David Dominicus

Jack Richie Lee

Jessica Yampai

Lynceia Bonar

Bartholemew G. Lee

Normie E. Surin

Clarice Jariman

Ag. Ramlan Ag. Murshid

Nooraini Armando

Fredolin Andrew Sipail

Ricaldo Geonan Majutin



RUMAH KANAK-KANAK DON BOSCO



HOME TUARAN



MAJLIS RAYA KAAMATAN HOSPITAL TUARAN

Hospital Tuaran telah mengadakan satu gabungan Majlis Raya-Kaamatan pada 27 Mei 2022. Majlis ini dihadiri oleh 150 orang warga hospital dan dirasmikan oleh Pengarah Hospital, Ybhg. Datuk Dr. G. Mohan. Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya menganyam ketupat, persembahan tarian dan cabutan tiket bertuah. Majlis gabungan ini telah diselenggarakan oleh Ybrs. Dr. Prins Bonaventure.



Persijilan Kualiti Hospital Tuaran



HOSPITAL TUARAN

Peti Surat 996, 89207 Tuaran, Sabah

088-788224 / 088-797100

088-788167

<http://htuaran.moh.gov.my>

@hospitaltuaran

MAJLIS SANJUNGAN BUDI, LAMBAIAN KASIH PENGARAH HOSPITAL

Tarikh 9 Jun 2022, Ybhg. Datuk Dr. G. Mohan a/l A. Gopal Naidoo melabuhkan tirai sebagai penjawat awam setelah 30 tahun di dalam perkhidmatan awam untuk bersara wajib. Jawatan terakhir sebagai Pengarah Hospital Tuaran sejak 2008 memberikan banyak kenangan manis dan cabaran. Antara pencapaian beliau adalah pembangunan bangunan Hospital Tuaran Fasa II dan kecemerlangan membawa Hospital Tuaran antara hospital daerah yang terbaik dengan pengiktirafan sijil-sijil kualiti bukan sahaja di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Sabah tetapi juga di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia. Sesungguhnya, warga Hospital Tuaran akan mengenang budi beliau dan selamat maju jaya. Satu Majlis Sanjungan Budi, Lambaian Kasih Pengarah Hospital diadakan pada 10 Jun 2022 yang telah dihadiri bukan sahaja kakitangan hospital malah daripada Sedafiat dan juga SUKHOT.



LAWATAN KERJA RASMI PENGARAH PERKEMBANGAN PERUBATAN

Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, Ybhg. Dato' Dr. Mohd. Fikri Ujang telah mengadakan lawatan ke Hospital Tuaran pada 18 Mei 2022. Sempena lawatan ini, Dato' Dr. Pengarah sempat menanam pokok kenangan dan melancarkan Buletin Nadi Hayat Hospital Tuaran ke-36. Pengarah Hospital Tuaran, Ybhg. Datuk Dr. G. Mohan turut memberikan taklimat berkenaan hospital dan mengiringi rombongan lawatan ke tapak cadangan pembangunan *Sabah Regional Institute of Infectious Diseases (SRIID)*. Turut hadir bersama TPKN (Perubatan) Sabah, Ybhg. Datuk Dr. Abd. Kahar Abd. Asis.



LAWATAN KERJA PRESIDEN CUEPACS

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS), Ybhg. Dato' Hj. Adnan Mat telah membuat lawatan ke Hospital Tuaran pada 8 Jun 2022. Lawatan kerja ini merupakan julung kalinya oleh Ybhg. Dato' presiden untuk melihat sendiri perkhidmatan yang diberikan oleh hospital kepada orang awam khususnya di Tuaran. Satu taman khas telah dibina di hadapan lobi yang dinamakan Taman Solidariti CUEPACS yang merupakan projek bersama Hospital Tuaran dan CEUPACS sebagai kenangan lawatan daripada Presiden CUEPACS ke Hospital Tuaran. Ybhg. Datuk presiden juga telah menanam pokok sebagai tanda kenangan. Turut hadir dan memberikan taklimat adalah Pengarah Hospital Tuaran, Ybhg. Datuk Dr. G. Mohan a/l A. Gopal Naidoo.



PROGRAM SEMPENA RAMADAN 2022

Bulan Ramadan tahun 2022 bermula pada 2 April sehingga 1 Mei 2022. Sepanjang bulan yang mulia ini, Hospital Tuaran dan PERKIPS Tuaran telah mengadakan beberapa program. Antara program yang diadakan adalah Program Nafas Baru Bulan Ramadan yang dirasmikan oleh YB Tuan Jasni Daya, ADUN N.13 Pantai Dalit merangkap Pembantu Menteri Kewangan Sabah. Program ini merupakan satu program yang memberi kesedaran kepada orang awam untuk berhenti merokok. Program Nafas Baru Bulan Ramadan telah diadakan pada 8 April 2022. Selain program ini, turut diadakan adalah agihan bubur lambuk daripada Adabi, agihan sumbangan daripada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Lawatan Amal ke HOME Tuaran, pembukaan kaunter zakat dan Majlis Buka Puasa.



Program Nafas Baru Bulan Ramadan
8 April 2022

Agihan sumbangan YADIM
18 April 2022

Majlis Berbuka Puasa PERKIPS Tuaran
20 April 2022

ALBUM HOSPITAL TUARAN



Penghargaan kepada Matron Ng Mui Yin
(Berpindah) keluar ke Hospital Kota Belud
14 April 2022



Kursus Penyelia Pra Hospital Negeri Sabah
(Anjuran bersama: HTm, QE 2, KL GH
17-19 Mei 2022)



Kaunter Pembayaran Zakat Fitrah 2022
Hospital Tuaran
April 2022



Penghargaan kepada Dr. Prins Isaac
Berpindah ke Swasta
1 Jun 2022



Perhimpunan Pagi April
26 April 2022



Perhimpunan Pagi Jun
8 Jun 2022



Persaraan En. Au Phing Shang
9 Mei 2022



Bengkel Malaysian Patient Safety Goals
Kursus Mei 2022: 1/2022
23 Jun 2022



Perhimpunan Pagi Mei
13 Mei 2022



Bengkel Incident Reporting & Root Cause
Analysis
22 Jun 2022